
Title	Kebudayaan Melayu kini dalam kehidupan di Singapura
Author	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1996 Muhammad Ariff bin Ahmad

© Haji Muhammad Ariff Ahmad

kk disampaikan kepada
Simposium Jalinan Melayu Antarabangsa
(Malay Internastional Networking)
 di Holiday Inn, Shah Alam, Selangor
 pada Jumaat, 19 - 20 April 1996

KEBUDAYAAN MELAYU KINI DALAM KEHIDUPAN DI SINGAPURA

1. Pendahuluan

01. Dalam suatu simposium sejarah di Johor pada Ogos 1995, saya diberitahu seorang teman dari Riau, katanya: dalam lawatannya ke Singapura baru-baru ini [sebelum Ogos 1995], beliau telah sampai ke Geyang Serai, tetapi beliau tidak nampak 'orang Melayu' di situ seperti yang dilihatnya kira-kira 20 tahun dahulu.. Beliau telah sampai juga ke perkampungan Melayu Geylang Serai tetapi tidak nampak 'orang Melayu' di situ.

02 Saya beritahu teman itu bahawa beliau tidak nampak 'orang Melayu' di Geylang itu mungkin benar; tetapi yang tidak kelihatan atau yang tidak kita nampak itu tidaklah bermakna *tidak ada*.. Mungkin, teman itu tidak bertemu dengan orang yang berpakaian Melayu, atau yang ditemui di Geylang itu orang-orang yang tidak berbahasa Melayu - mereka berbahasa Inggeris sesamanya. Rambut, rias tubuh dan stail pakaiannya pun tidak berciri Melayu lama seperti yang ditemuinya dalam lawatannya yang lalu.

03 Akan yang dikatakan 'perkampungan Melayu' itu sebenarnya bukanlah *kampung Melayu*. Perkampungan bukanlah 'kampung' tempat kediaman¹ - tetapi merupakan *kampung nostalgia* yakni *perkampungan* tempat himpunan ciri-ciri kehidupan orang Melayu dini (pada masa lampau) seperti bentuk rumah, alat-alat 'cari makan', senjata, permainan dan kesenian Melayu yang dipamerkan kepada pengunjung [terutama pelancong] atau mereka yang ingin mengetahui tentang perkampungan orang Melayu Singapura pada masa lampau.

04 Benarlah amat kata karmina: *lain hulu lain parang, lain dulu lain sekarang*.. dan *dulu paku sekarang papan, dulu kawanku sekarang bukan*.. Kelainan atau perubahan yang luaran (*material*) itu, mungkin telah menyebabkan orang yang sekali sekala datang ke Singapura menyangka bahawa orang Melayu sudah tidak wujud lagi di Singapura.

seperti *kampung* yang dinyatakan Prof Mohd Taib Osman menerusi tulisannya: *Melayu dan Proses Perbandaran* yang disiarkan *Berita Harian [Singapura]*, Khamis 14 Mac 1996.

2. Orang Melayu Singapura.

05 orang Melayu dini:

5.1 Menerusi bukunya *Sejarah Singapura*, terbitan DBP Kuala Lumpur, 1972, halaman 57-61, Haji Buyong Adil menerangkan: *Pada 28 Januari 1819 Leftenan Gabenor Kompeni Inggeris di Bengkulin, Thomas Stamford Raffles telah datang ke Singapura menemui Temenggung Abdul Rahman. Pada masa itu ada lebih kurang 100 buah rumah Melayu, dekat Kuala Sungai Singapura, dengan keramaian penduduk kira-kira 500 orang (Melayu). Ke hulu sedikit dari situ terdapat seramai kira-kira 30 keluarga Orang Laut; separuhnya berumah di tepi pantai dan separuh lagi tinggal di perahu-perahu².*

5.2 Banci (cacah jiwa) penduduk Singapura yang pertama dibuat C.B. Buckley bagi pihak kompeni Inggeris East India Company pada Januari 1824 menunjukkan:

<i>orang Eropah..</i>	<i>74 orang</i>
<i>orang Armenian</i>	<i>16 orang</i>
<i>orang Arab</i>	<i>15 orang</i>
<i>orang India</i>	<i>756 orang</i>
<i>orang China..</i>	<i>3,317 orang</i>
<i>orang Melayu..</i>	<i>4,580 orang</i>
<i>orang Bugis..</i>	<i>1,925 orang = 6,505 orang.</i>
<i>Jumlah Penduduk Singapura = 10,683 orang³.</i>	

5.3 Banci penduduk Singapura yang dibuat pemerintah koloni Inggeris pada 1891⁴, menunjukkan:

<i>orang Eropah dan Amerika</i>	<i>5,254 orang</i>
<i>orang Serani</i>	<i>3,589 orang</i>
<i>orang China</i>	<i>121,908 orang</i>
<i>orang Melayu</i>	<i>35,992 orang⁵</i>
<i>orang India</i>	<i>16,035 orang</i>
<i>bangsa-bangsa lain</i>	<i>1,776 orang</i>
<i>Jumlah Penduduk Singapura = 184,554 orang</i>	

² menerusi bukunya: *150 Years of Education in Singapore*, terbitan Teachers Training College, Singapore 1969, T.R. Doraisamy berkata: *The island of Singapore, then in the possession of the Temenggong of Johore with a population of 80 Malays (Orang Laut or Proto Malays) and 40 Chinese, was Raffles' Choice.*

³ Baca: Rev T.R.Doraisamy, *150 Years of Education in Singapore*, terbitan Teachers' Treining College, Singapore 1969, halaman 5.

⁴ Sumber: perangkaan Jabatan Statistik Singapura.

⁵ Jumlah ini termasuk 2 orang Acih, 2,677 orang Boyan, 1,639 orang Bugis, 96 orang Dayak, 8,541 orang Jawa, 302 orang Jawi-Pekan, 22,701 orang Melayu dan 34 orang Manila.

5.4 Banci penduduk Singapura pada 1901⁶ pula menunjukkan:

<i>orang Eropah dan Amerika</i>	<i>3,824 orang</i>
<i>orang Serani</i>	<i>4,120 orang</i>
<i>orang China</i>	<i>164,041 orang</i>
<i>orang Melayu</i>	<i>36,080 orang</i> ⁷
<i>orang India</i>	<i>17,823 orang</i>
<i>bangsa-bangsa lain</i>	<i>2,667 orang</i>
<i>Jumlah Penduduk Singapura = 228,555 orang</i>	

5.5 Dengan demikian, menurut perkiraan 5.1 di atas: orang Melayu merupakan 100% penduduk Singapura; tetapi menurut perkiraan 5.2 penduduk Melayu Singapura telah menurun menjadi 60.89%, menurut 5.3 menurun lagi menjadi 19.5% dan menurut 5.4 penduduk Melayu Singapura menurun lagi hingga tinggal 15.78%.

06 orang Melayu kini (OMK)

6.1 Menurut banci 1990, rakyat Singapura berjumlah 2,690,000 jiwa - kira-kira 2.7 juta manusia. Antara jumlah itu orang Melayunya ialah 382,656⁸ iaitu membentuk 14.2% penduduk Singapura. Jika dicampur dengan orang Islam yang bukan Melayu maka angka itu menjadi kira-kira 400,000 orang⁹.

6.2 Apabila Singapura membangun menjadi negara republik bandaraya industri yang kosmopolitan, kampung-kampung terpugar menjadi bandar-bandar satelit dengan ciri-ciri dan prasarana perbandaran. Orang-orang Melayu di kampung telah berpindah ke bandar dan tinggal di flat-flat [walaupun flat itu terdiri di Geylang Serai juga - di bekas tapak kampung mereka dahulu]. Tinggal di flat mereka berjiranan dengan bangsa-bangsa lain yang sama-sama menjadi penduduk dan warga Singapura.

6.3 Orang Melayu kini (OMK) telah berpindah dari 'masyarakat tertutup' yang rehat lagi selesa, dan hidupnya terjamin oleh kerjasama yang padu anggota masyarakatnya, ke suatu 'masyarakat terbuka' yang sentiasa sibuk, terburu oleh waktu dan penuh dengan cabaran.. serta hidupnya pula bergantung kepada cekap, cekat dan cepat masing-masing menangani urusannya sendiri-sendiri. *Pat-pat siku lipat..* - kata karminanya.

⁶ Sumber: perangkaan Jabatan Statistik Singapura..

⁷ Jumlah ini termasuk 2 orang Acih, 2,712 orang Boyan, 999 orang Bugis, 29 orang Dayak, 8,519 orang Jawa, 665 orang Jawi-Pekan, 23,060 orang Melayu dan 94 orang Manila.

⁸ Jumlah ini termasuk 261,195 keturunan Melayu, 65,634 keturunan Jawa, 43,210 keturunan Boyan, 1,466 keturunan Bugis dan 11,151 keturunan Melayu lain-lain.

⁹ Di Singapura, khalayak Islam yang umum menganggap dirinya sebahagian daripada orang Melayu, mereka sentiasa menyertai kegiatan-kegiatan masyarakat Melayu.

6.4 Cara hidup baru demikian itu, lama kelamaan telah mengubah kehidupan *orang Melayu dini* yang sentiasa berkita, menjadi *orang Melayu kini* (OMK) yang hidup beraku dan berengkau, yakni yang *berlu-sapa-gua-sapa*. Semangat kekitaan yang terlambang dalam perbilangan:

*ibarat labu menjalar ke hulu, ibarat kundur menjalar ke hilir..
pangkalnya sama dipupuk, pucuknya sama digantis
hati gajah sama dilapah, hati kuman sama di cecah..*

hampir pudar.

6.5 Walaupun terdapat juga kumpulan atau institusi - sama ada yang dianjurkan pemerintah atau yang ditubuhkan penduduk-penduduk sendiri¹⁰ yang menggalakkan kerjasama di flat-flat, namun, institusi atau persatuan itu merupakan kumpulan orang senasib atau sekepentingan. Kegiatan yang dilakukan kumpulan itu kadang-kadang mengikut musim¹¹ kadang-kadang mengikut keperluan sahaja.

6.6 Kalau waktu tinggal di kampung dahulu: apabila seseorang mengesup kambing, misalnya - jika tidak sekampung - sekurang-kurangnya 12 jiran terhampir akan turut merasai sup itu, tetapi sekarang: *jauhlah panggang dari api*. Kalau dahulu: mereka hidup berkampung diibaratkan *seperti aur dengan tebing*, maka sekarang hidup di flat lebih ramai yang ibarat *enau di dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing*.

6.7 Kalau pun bukan semuanya begitu, kehidupan OMK di flat-flat, kebanyakannya nafsi-nafsi, yakni masing-masing menangani urusannya sendiri-sendiri, sesuai dengan kata perbilangan:

*siapa menjala siapa terjun,
siapa berhutang siapa membayar,
siapa salah siapa bertimbang,
siapa membunuh siapa kena bunuh.*

6.8 Oleh sebab kira-kira 86% jiran di flat terdiri daripada mereka yang beragama bukan-Islam, maka jarang-jaranglah orang Melayu berpeluang mengucapkan *assalamualaikum* kepada jirannya; mereka lebih kerap kali mengucapkan *good morning* kepada jirannya - kadang-kadang *chau-an* atau sekali-sekala *manakem..* Itu pun hanya sekali dua mereka bersapaan dalam sehari, ketika kebetulan mereka bertemu di dalam lif atau masa hendak pergi atau pulang kerja.

¹⁰ misalnya: balai rakyat (kelab masyarakat), jawatankuasa blok, kumpulan khairat kematian, kumpulan marhaban dan yang sebagainya.

¹¹ misalnya: hendak mengadakan majlis maulid, kenduri-kendara, ada kematian, hendak melakukan sesuatu yang disepakati, dan yang sebagainya.

6.9 Dalam kehidupan hariannya, OMK bukan sahaja sentiasa bertolak ansur dengan masyarakat lain warga Singapura untuk memelihara keharmonian, tetapi juga telah memberi dan menerima serta berambil-ambilan cara hidup yang sesuai lagi praktikal bagi kehidupan masyarakat berbilang di sana.

6.10 Jika dalam tahun-tahun 1930-40-an, almarhum Haji Abdul Rahim Kajai membincangkan isu DKA (darah keturunan Arab) dan DKK (darah keturunan Keling), sekarang keturunan mereka itu sudah terserap ke dalam kata *Melayu*. Dalam persemendaan Melayu kini tidak lagi terbatas antara Melayu dengan Melayu sahaja. Kahwin saling-silang ras¹² telah banyak berlaku di Singapura melibatkan pria dan wanita Melayu. Malah ada yang ayahnya orang India dan ibunya orang Cina, sedang anaknya Melayu.

6.11 Takrif OMK yang dipakai sebagai kelayakan bagi calon-calon pilihanraya untuk GRC¹³ ialah:

- (1) mereka yang tercatat di dalam ic¹⁴-nya sebagai Melayu.
- (2) keturunan Melayu yang berasal dari pulau-pulau Melayu [seperti Jawa, Boyan, Bugis dan sebagainya]
- (3) mereka yang suami/isterinya dari Melayu (1) dan (2)
- (4) orang Islam [seperti Arab, India, China dan sebagainya] yang menyertai kehidupan dan kegiatan masyarakat Melayu.

6.12 Menyedari bahawa mereka hidup dalam sebuah negara majmuk yang berdasarkan *keberbilangan - berbilang bangsa, berbilang bahasa, berbilang budaya dan berbilang agama* - OMK telah turut berperanserta dalam membangun negara dan memelihara keharmonian rakyat Singapura. Dan, Saham orang Melayu ada di dalam semua bidang kenegaraan dan kemasyarakatan.

3 Kebudayaan Melayu Singapura

07 Sesuai dengan dasar keberbilangan itu, orang Melayu warga Singapura beramal dengan *Kebudayaan Kebangsaan* dan dengan *Kebudayaan Warisan*. Sebagai rakyat mereka hayati *Kebudayaan Kebangsaan* dan sebagai Melayu mereka hayati *Kebudayaan Warisan*.

¹² *kahwin saling-silang ras* ialah perkahwinan Melayu dengan Jawi Pekan; Melayu x non-Melayu, antara orang Islam non-Melayu berlainan ras, dan Melayu x saudara baru.

¹³ GRC (Group Representative Constituency) = Kawasanundi Perwakilan Kumpulan, iaitu tiga kawasan undi digabung menjadi satu pilihan dan seorang dari calon itu mewakili golongan minority.

¹⁴ ic (identity card) = kad penganalan peribadi.

7.1 *Kebudayaan Kebangsaan* ialah kebudayaan yang tercipta sesuai dengan kehendak dan kepentingan negara - sama ada yang tercipta hasil dari rasa, karsa dan daya masyarakat Singapura ataupun yang terbentuk dari asimilasi/akulturasi budaya warisan bangsa-bangsa warga negara.

7.2 *Kebudayaan Warisan* ialah kebudayaan yang terwaris nenek moyang, yang telah dihayati zaman bersamaan.

08 99.99% Orang Melayu kini beragama Islam. Semenjak beragama Islam segala amalan kebudayaannya telah dinilai semula berdasarkan *jalan yang dua terepar*, iaitu *jalan yang kerana Allah* dan *jalan yang kepada dunia..* sesuai dengan kehendak perbilangan:

adat bersendi syarak..

berdiri syarak gugurlah adat.

09 Segala amalan *Kebudayaan Warisan Melayu* - sama ada yang berbentuk *Kebudayaan Jasmani*¹⁵, yang dimaksudkan untuk mencapai kepuasan *material* mahu pun yang berbentuk *Kebudayaan Rohani*¹⁶, yakni yang mencapai kepuasan *moral* telah dinilai banding dengan hukum syarak (hukum Islam).

10 Penilaian itu menghasilkan:

10.1 Segala amalan kebudayaan yang sah sejalan dengan jalan Islam, diterima dan diteruskan amalannya.

10.2 Segala amalan kebudayaan yang sah menyimpang dari jalan Islam di-mansuhkan - tidak diamalkan lagi.

10.3 Segala amalan kebudayaan [terutama yang mengenai kepercayaan yang mungkin mencemarkan aqidah] yang tidak sejalan dengan jalan Islam tetapi tidak juga menyimpang daripadanya, ditimbangkan manfaat dan mudaratnya. Jika amalan itu mendatangkan manfaat atau tidak membawa mudarat tidaklah tertegah.

11 Semenjak berpindah ke bandar dan tinggal berbaur dengan masyarakat yang berlainan agama dan budaya, sosio-budaya orang Melayu mengalami banyak perubahsuaian - sama ada yang terbentuk oleh *Kebudayaan Kebangsaan* mahupun yang terpengaruh oleh *Kebudayaan Warisan* menerusi pergaulan sehari-hari dengan jiran mereka.

termasuk: *peralatan dan perlengkapan hidup, mata pencarian dan sistem ekonomi, sistem pendidikan, sistem kemasyarakatan, permainan, pertahanan diri dan negara, silat, kraft dan pertukangan dan yang sebagainya.*

¹⁶ termasuk: *bentuk dan mutu kesenian [seni lakon, seni lukis dsb], bahasa dan kesusasteraan serta kepercayaan dan tradisi.*

4 Kebudayaan Jasmani

12 *yang mengenai peralatan dan perlengkapan hidup*

12.1 **busana (pakaian):** OMK berpakaian Melayu hanya pada waktu-waktu khusus¹⁷ sahaja. Waktu ke masjid mereka berpakaian yang berunsur Islam [termasuk pakaian Melayu atau separuh Melayu] tetapi pada masa-masa yang lain - sama ada waktu berada di rumah, waktu bekerja atau waktu bersantai - mereka berpakaian sederhana, tidak berbeda dengan yang dipakai masyarakat lain. Busana Melayu seperti yang diterangkan Tenas Effendy¹⁸, *jauh panggang dari api*.

12.2 **perumahan:** OMK di Singapura tidak lagi tinggal di rumah bentuk seni Melayu [rumah limas beranjung, berserambi dan berpelantar] perabot dan hiasan *rumahnya* sama seperti yang terdapat di rumah masyarakat lain. Yang menandakan flat itu didiami orang Melayu ialah terlekapnya ayat *Bismillah* atau *ayat kursi* di daun pintu rumah itu.

12.3 **alat perumahan:** sudah mengglobal. Di rumah pun, tak kira lelaki atau perempuan, OMK duduk bersilang kaki di kerusi. Duduk bersila dan bertimpuh di atas tikar mengkuang hanya dilakukan sekali sekala apabila diadakan kenduri kendara, kerana tak cukup ruang untuk berkerusi. Radio dan TV bukan lagi alat skandar, tetapi sudah jadi sesuatu yang mesti dimiliki tiap penghuni.

12.4 **wahana (kenderaan):** sama seperti kehidupan warga dari keturunan lain, selain dari menggunakan *kenderaan awam* [bus, taksi, MRT] yang tersedia di bandaraya, orang Melayu banyak yang punya kenderaan sendiri - motorkar atau motorsikal.

12.5 **makanan:** Selain daripada makanan Melayu, banyak sudah OMK yang biasa memakan dan pandai memasak makanan Cina¹⁹, India²⁰ dan Eropah²¹; banyak pula kuih muih orang Melayu²² yang sekarang sudah jadi *kuih nyonya* kerana kuih muih itu sekarang diusaha dan didagangkan nyonya-nyonya.

¹⁷ misalnya pada hari raya atau hari-hari istimewa, masa menghadiri majlis-majlis yang menghendaki para tetamunya berpakaian kebangsaan, waktu jadi pengantin dan yang sebagainya.
baca: Tenas Effendy, *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*, DBP Kuala Lumpur, 1989, bahagian 1, halaman 1-39.

¹⁹ seperti, nasi ayam, makanan laut ala China, mi hongkong, kwetiau, cinca, tauhucu, dan yang sebagainya

²⁰ seperti nasi beriani, roti prata, tause, apom, cepati, rasam, papadum, masalawade, maruku dan yang sebagainya.

²¹ seperti pelbagai jenis cakes, tart, dan yang sebagainya.

²² seperti kuih koci, naga sari, puteri salat, getuk dan bingka ubi dan yang sebagainya.

13 *yang mengenai pengajaran dan pendidikan*

13.1 Sejarah persekolahan (pengajaran dan pendidikan) bagi anak-anak Melayu Singapura bermula apabila Rev G.H.Thomson dan isterinya tiba di Singapura pada 1822. Di sebuah rumah di simpang North Bridge Road dengan Bras Basah Road, reverend itu mengajar 12 orang anak Melayu [reverend mengajar 6 orang anak lelaki dan isterinya mengajar 6 orang anak perempuan]. Kanak-kanak itu diajarkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris²³.

13.2 Sementara tengkarah mengenai sama ada pendidikan penduduk akan dilaksanakan perantaraan bahasa Inggeris ataupun *local vernacular language* berlaku dari 1813-1835, *Singapore Free School* ditubuhkan Kompeni pada Ogos 1834. Keempat-empat bahasa penduduk Singapura [Inggeris, Melayu, China dan Tamil] diajarkan di sekolah itu²⁴.

13.3 Kemudian, berubah-ubahlah sistem pendidikan Singapura, menurut kehendak pemerintah-pemerintah yang berkuasa pada zamannya. Anak-anak Melayu tidak terkecuali dari perubahan itu..²⁵

13.4 Akhirnya, sekarang Singapura hanya mempunyai satu sahaja sistem pendidikan kebangsaan. Semua anak-anak warga Singapura harus diberikan pendidikan menerusi sistem itu. Sebagai warga negara, orang Melayu menghantar anak-anaknya ke sekolah kebangsaan itu.

13.5 Semenjak 1966 sistem pendidikan Singapura dilaksanakan melalui sekolah kebangsaan yang menyampaikan ilmu menerusi **bahasa Inggeris** dengan mewajibkan tiap pelajarnya mempelajari **bahasa ibundanya** [bahasa Melayu bagi anak-anak Melayu, Mandarin bagi anak Cina dan Tamil bagi semua anak-anak India] sebagai *bahasa kedua*. Tiap kanak-kanak Singapura dididik menerusi sekolah tersebut.

13.6 Bahasa kedua (bahasa ibunda) diajarkan disekolah kebangsaan itu untuk menjadikan anak-anak Singapura *berdwibahasa* dan dengan tujuan melestari dan memantapkan *kebudayaan warisan* masing-masing. Kesan sistem yang telah berjalan selama 30 tahun itu, sekarang sudah banyak anak-anak Melayu yang mampu berbahasa Inggeris dengan fasih dan aktif di samping berbahasa Melayu apabila mereka berada dalam kegiatan *Kebudayaan Melayu*.

²³ baca: Muhammad Ariff Ahmad, kertas kerja kepada bengkel sejarah bahasa Melayu dari pelbagai Kota, anjuran DBP.KL dan UKM di Kuala Lumpur, 9 November 1992.

²⁴ idem.

²⁵ baca: Dr Zahoor Ahmad, *Malay Education in Singapore* dalam *150 Years of Education in Singapore*, TTC Singapore 1969, halaman 100-115.

13.7 Membantu menatar dan mengekalkan kecemerlangan anak-anaknya dalam pelajarannya beberapa institusi 'bantu diri' telah ditubuh masyarakat Melayu Singapura²⁶.

- ♦ LBKM (Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud) tertubuh 1956 berfungsi mengumpulkan dana dan memberikan biasiswa dan dermasiswa kepada pelajar yang memerlukan²⁷.
- ♦ Yayasan MENDAKI (Majlis Pendidikan Anak-anak Melayu/Islam) tertubuh 1981 berfungsi menambah bimbingan dan merangsang kemajuan pelajaran anak-anak Melayu/Islam dengan pelbagai projek²⁸.
- ♦ AMP (Angkatan Karyawan Islam) tertubuh 1990, menggarap program 'maju diri'nya dengan menggabungkan program sosial, pendidikan, latihan pekerja dan bantuan keluarga ke arah mencapai kehidupan yang selesa²⁹.

14 *yang mengenai mata pencarian dan ekonomi*

Kecuali dalam lapangan yang diharamkan Islam, orang Melayu Singapura terdapat dalam pelbagai bidang cari makan.

14.1 **makan gaji:** rata-rata orang Melayu menyara hidupnya serta membentuk ekonomi keluarganya dengan makan gaji - sama ada dengan 'menjual' khidmatnya atau 'menjual' tenaganya; sama ada sebagai pekerja mahir³⁰ atau separuh mahir ataupun yang tidak mahir; baik dalam sektor pemerintah atau dalam sektor swasta.

14.2 **khidmat:** banyak juga anak Melayu Singapura dan mendapatkan mata pencariannya dengan khidmat 'memandu taksi'. Ada yang menggunakan taksi sewa dari pemilik taksi, tidak kurang juga yang mempunyai taksi sendiri. Ada yang menjadi pemandu taksi separuh masa, ada pula yang berkhidmat sepenuh masa.

14.3 **usaha dan niaga:** banyak juga anak-anak Melayu Singapura yang membentuk ekonominya dengan berusaha dan berniaga. Sebuah Dewan Perniagaan & Perusahaan Melayu Singapura telah tertubuh untuk keperluan usahawan dan niagawan Melayu di Singapura. Seorang daripada usahawan/niagawan Melayu Singapura ada bersama kita dalam simposium ini. Boleh kita dengar lebih lanjut daripada beliau mengenai bidang ini apabila beliau membentangkan kertas kerjanya, esok.

²⁶ baca: Muhammad Ariff Ahmad, kertas kerja *Perana Budaya Melayu dalam meningkatkan kreativitas, memacu ekonomi masyarakat pada kawasan segitiga pertumbuhan SJJRI kepada Dialog Selatan II di Pekanbaru, Riau, Indonesia pada 11-13 Disember 1995.*

²⁷ idem.

²⁸ idem.

²⁹ idem

³⁰ banci penduduk Singapura 1990 menunjukkan sebilangan besar pekerja 'kolar biru' Melayu dalam bidang teknikal - 31% dalam industri pengeluaran, 14% dalam sektor perdagangan dan 14% dalam bidang pengangkutan dan komunikasi.

14.4 **karyawan (profesional):** banci penduduk Singapura 1990 menunjukkan: jumlah karyawan Melayu Singapura dalam bidang akauntan, doktor, peguam, jurutera, juruterbang, usahawan, wartawan ialah 9.7% berbanding dengan 6% pada sedekad yang lalu³¹.

15 *yang mengenai kemasyarakatan*

15.1 **persemendaan:** yang tertakluk kepada hukum syarak masih diamalkan 100% ditambah pula dengan peraturan tiap jejaka dan gadis yang hendak mendirikan rumah tangga diwajibkan mendaftar diri di Jabatan Pernikahan 3 bulan sebelum tarikh nikahnya, kemudian diwajibkan mengikuti kursus rumah tangga.. tetapi yang menyangkut upacara adat resam³² sudah banyak yang ditinggalkan.

15.2 **walimatul-urus:** jamuan perkahwinan masih dilakukan tetapi hidangan dan penghidangannya banyak yang berubah.

(a) **hidangan:** dahulu hidangan nasi minyak atau beriani jadi ke-megahan; sekarang orang hidangkan nasi putih, nasi ayam, nasi tomato dan makanan laut ala Cina.

(b) **penghidangan:** mula-mula dahulu orang makan sehidang berempat, kemudian berubah menjadi empat orang sehidangan; sekarang, kalau makanan laut yang jadi hidangan, sepuluh orang makan sehidangan.

15.3 **majlis pengantin:** sekarang, selain daripada mengadakan majlis di kolong-kolong flat, orang melaksanakan majlis itu di balai-balai rakyat atau di kelab-kelab masyarakat yang lebih lapang dan selesa, malah sudah ada yang mengadakan majlis itu di hotel-hotel. Sesuai dengan keadaan majlis, hidangan perasmanan (cara *buffet*) mula digemari banyak orang.

15.4 **kekeluargaan:** sistem keluarga berangkai (*extended family*) - lepas nikah tinggal di rumah mentua [biasanya, sebelah isteri] - seperti yang diamalkan keluarga Melayu tradisional tidak lagi popular di kalangan pasangan muda sekarang. Mereka lebih suka *berumah sendiri*.

15.5 **keluarga baru:** biasanya, sebaik-baik lepas mendaftar di Jabatan Pernikahan, bakal suami isteri itu boleh menempah flat baru dari HDB. Selepas nikah, dengan menunjukkan surat nikah itu pasangan baru sudah boleh mengambil kunci rumahnya, boleh membuat perubahelokan rumah baru itu, kemudian berpindah ke situ.

³¹ baca: Zuraidah Ibrahim, terjemahan Prof Dr Nik Safiah Nik Karim, **Orang Islam di Singapura - visi bersama**, terbitan Times Edition Pte Ltd untuk MUIS, halaman 50.

³² misalnya: *adat menghantar sanggan, berhinai curi, berhinai kecil, adat mengasah gigi, adat mandi-mandi dan adat menyembah-nyembah.*

16 **yang mengenai organisasi atau kesatuan**

16.1 **balai rakyat:** memang di kawasan flat-flat kediaman itu sudah ada *balai rakyat* [sekarang disebut *kelab masyarakat*] didirikan pemerintah untuk kegunaan penduduk. OMK sama-sama bergiat di *balai rakyat* atau *kelab masyarakat* itu memenuhi kewajibannya sebagai warga negara.

16.2 **CCC dan RC:** CCC (*Constituency Consultative Commeetee* atau *Jawatankuasa Perundingan Rakyat*) dan RC (*Residents Commettee* atau *Jawatankuasa Kejiranan*) pun sudah ditubuhkan pemerintah untuk memelihara kesejahteraan penduduk di kawasan-kawasan kediaman itu. Orang-orang Melayu tidak terkecuali daripada menyertai jawatankuasa-jawatankuasa tersebut sebagai anggota.

16.3 **kumpulan/badan kebajikan:** bagaimanapun, untuk menangani masalah khusus orang-orang Melayu sendiri, banyak kumpulan *kebajikan dan khairat kematian* telah ditubuhkan di kejiranan-kejiranan atau oleh mereka yang berasal dari kampung yang sama, untuk menangani masalah *nikah kahwin, sakit pening dan mati hilang* anggota-anggota kumpulan.

16.4 **organisasi kebudayaan:** lebih dari 50 buah pertubuhan yang bergiat dalam pelbagai aspek kebudayaan dan kesenian³³, didaftarkan di bawah *Registrar of Societies*. Organisasi ini berbeda dengan persatuan yang dinyatakan dalam 16.3. Anggota-anggota organisasi kebudayaan ini tidak tertakluk kepada batas-batas constituency.

17 **yang mengenai adat dan undang-undang**

17.1 **undang-undang:** sebagai Muslim orang Melayu Singapura tertakluk kepada Undang-undang Negara (*Civil Law*) dan kepada AMLA (*Administration of Muslim Law Act*). Kes-kes yang mengenai jenayah dirujuk ke Mahkamah Sivil, manakala yang mengenai kekeluargaan dan melibatkan hukum agama dirujuk ke Mahkamah Syariah.

17.2 **pertadbiran:** segala ehwal yang mengenai kehidupan orang Melayu dan Islam di Singapura, berdasarkan AMLA, ditadbirkan MUIS (Majlis Ugama Islam Singapura) di bawah riayah Menteri yang bertanggung jawab mengenai ehwal masyarakat Islam di Singapura.

17.3 **mahkamah rayuan:** untuk membantu pertadbiran MUIS, sebuah mahkamah rayuan ditubuhkan untuk menimbangkan rayuan mereka yang tidak puas hati dengan keputusan mahkamah syariah.

³³

baca: Muhammad Ariff Ahmad, kertas kerja *Peranan Budaya Melayu..* yang disampaikan kepada Dialog Selatan II di Pekanbaru, Riau 11-13 Disember 1995.

5 Kebudayaan Rohani

18. *yang mengenai bentuk dan mutu kesenian*

18.1 Oleh sebab majoriti nenek moyang orang Melayu kini Singapura berasal dari daerah-daerah kepulauan Melayu dan Semenanjung Tanah Melayu, maka bentuk seni [seni rupa, seni suara, seni lakon, seni tari, seni musik, hadra-kompang dan yang sebagainya] yang dinikmati orang Melayu di Singapura sangat mirip [kalau tidak persis] dengan yang dinikmati orang di tanah asalnya. Jika ada pun perbedaannya terlalu minimum, iaitu sejauh yang terjejas oleh sifat kekosmopolitanan kehidupan di Singapura.

18.2 **kegiatan seni budaya:** kegiatan menghidupkan memperkembang dan mempermaju seni budaya [seperti tarian, nyanyian, drama, musik, hadrah] di Singapura dilaksanakan badan-badan Melayu seperti *Badan Kesenian Melayu, Perkumpulan Seni, Persatuan Seriwana, Persatuan Kebudayaan Melayu, Persatuan Minangkabau Singapura, Persatuan Hadra-kompang, Persatuan Kemuning, Seri Anggerik Bangsawan* dan oleh badan-badan bahasa dan budaya di sekolah-sekolah.

18.3 **senilukis & fotografi:** APAD (*Angkatan Pelukis Aneka Daya*) satu-satunya pertubuhan yang memajukan seni lukis Melayu di Singapura dengan mengadakan pameran lukisan dan membimbing pelukis-pelukis kecil dan calon-calon pelukis Melayu, manakala *Persatuan Fotografi Melayu Singapura* ialah persatuan yang memajukan seni foto di kalangan orang Melayu Singapura.

18.4 **sukan dan riadah:** kegiatan sukan [bolasepak, sepaktakraw, seni silat] digerakan persatuan muda-mudi seperti *Darul Afiah Recreation Club, Kaki Bukit Sports Club, Kelab Sepaktakraw Teluk Selatan, Perguruan al-Haq, Persatuan Seni Silat Harimau, Persatuan Seni Silat Setiahati* dan yang seumpamanya.

18.5 **majlis pusat:** Sebuah badan induk bagi pertubuhan-pertubuhan [bukan pemerintah] budaya Melayu Singapura telah ditubuhkan pada 12 April 1969. Majlis Pusat telah didirikan 35 pertubuhan budaya Melayu Singapura [yang terdaftar di bawah *Registrar of Societies*] pada masa itu, dengan matlamat:

18.51 *menyelaraskan kegiatan badan kerabat dalam bidang pendidikan, agama, budaya, kebajikan, sosial, ekonomi dan sukan masyarakat Melayu di Singapura*³⁴.

³⁴

sekarang, (khususnya) kegiatan pendidikan khusus dan ekonomi seakan-akan telah berpindah menjadi kegiatan MENDAKI dan AMP.

18.52 menubuhkan unit Penyelidikan dan Perancangan untuk mengkaji aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan budaya Melayu; dan merancang projek untuk membolehkan orang Melayu lebih berjaya dalam bidang-bidang tersebut.

18.53 mengenal pasti dan menilai masalah orang Melayu dan menyarankan huraian serta nasihat kepada pihak yang berkenaan, jika perlu dan wajar.

18.6 Selain menyelaraskan kegiatan pertubuhan kerabatnya, Majlis Pusat [bagi pihak kerabat] menganggotai beberapa jawatankuasa kebangsaan, sama ada jawatankuasa itu dibentuk pemerintah atau bukan pemerintah; sama ada oleh masyarakat Melayu-Islam mahu pun oleh masyarakat lain dan menjadi tempat rujukan mengenai kebudayaan Melayu Singapura.

19 *yang mengenai bahasa dan kesusasteraan*

19.1 **bahasa:** bahasa Melayu masih hidup dan digunakan sebagaimana masih hidupnya orang Melayu di Singapura. Bahasa Melayu masih diajarkan di sekolah-sekolah dan masih dituturkan dalam majlis-majlis dan di rumah orang-orang Melayu. Walaupun pelajaran dan penggunaan bahasa Inggeris sangat digalakkan dalam masyarakat Singapura, namun taraf bahasa Melayu Singapura tidaklah lebih rendah daripada bahasa Melayu yang dituturkan orang Melayu di luar Singapura.

19.2 **bacaan dalam bahasa Melayu:** walaupun pada akhir-akhir ini penerbitan buku-buku Melayu di Singapura begitu lesu, namun orang Melayu Singapura masih membaca buku-buku Melayu yang tercetak di Malaysia dan Indonesia; ada juga yang dari Brunei. Berita Harian dan Minggu Singapura dapat menjual antara 75,000 ke 80,000 naskah tiap hari dan minggu kepada kira-kira 200,000 pembaca Melayu Singapura.

19.3 **MBMS (Majlis Bahasa Melayu Singapura):**

19.31 MBMS bermula dengan nama *Jawatankuasa Ejaan Melayu Singapura 1981-1983* yang dibentuk Kementerian Kebudayaan apabila Singapura menggunakan ejaan MBIM pada 1977. JEMS diubah jadi *Jawatankuasa Bahasa Melayu 1983-1992* apabila tugasnya diperluas supaya membentuk kekata istilah yang terpakai khusus oleh Singapura sahaja.

19.32 MBMS telah ditubuhkan Kementerian Penerangan dan Kesenian Singapura pada Nov 1992. Selain mempromot penggunaan bahasa Melayu yang betul, MBMS bertugas memantau pelaksanaan bahasa Melayu baku di sekolah-sekolah, di radio dan di televisyen.

19.4 kegiatan kesusasteraan:

19.41 *Asas 50 (Angkatan Sasterawan 50)*, *KAMUS (Kumpulan Angkatan Muda Sastera - 1988)*, *PGBM (Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu -1988)*, masih bergiat mengembang dan memajukan kesusasteraan berbahasa Melayu di Singapura, sama ada melalui penikmatan (apresiasi) mahu pun menerusi pengaryaan kesusasteraan dan pengajarannya di sekolah-sekolah.

19.42 *NAC (National Art Council)* dan *NBDCS (National Book Development Council of Singapore)* yang menggalakkan pengembangan dan pemajuan kesusasteraan Singapura dalam keempat-empat bahasa rasmi, telah menurusertakan *Kesusasteraan Melayu Singapura* dalam program mereka.

19.43 *Asas 50* bagi pihak masyarakat bahasa dan kesusasteraan Melayu Singapura masih bersama-sama bahasawan dan sasterawan serantau memajukan bahasa dan sastera Melayu serantau dan sub-rantau Nusantara. Yang tahap serantau menerusi *PSN (Pertemuan Sasterawan Nusantara)* dan yang sub-rantau menerusi *DISEL (Dialog Selatan)* Singapura-Johor-Riau.

6. penutup

- 20 Demikianlah serba sedikit kisah tentang kehidupan OMK di Singapura, dibentangkan di sini, dalam tempoh yang singkat, sekadar akan menjadi pembuka pintu maklumat. Mudah-mudahan pada suatu masa yang lebih selesa akan dapat kita bincangkan lagi, jika perlu.

Terima kasih.



bibliografi

1. Haji Buyong Adil, *Sejarah Singapura*, DBP KL 1972
2. T.R. Doraisamy, *150 Years of Education of Singapore*, TTC Spore 1969
3. Tenas Effendy, *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*, DBP KL 1989
4. Zuraidah Ibrahim, *Orang Islam di Singapura -visi bersama*, Time Ed 1994
5. Kertas-kertas kerja Muhammad Ariff Ahmad ke
 - (a) Bengkel Sejarah Bahasa Melayu di Pelbagai Kota - Kuala Lumpur 11: 1992
 - (b) Dialog Selatan II - Pekanbaru Riau, 12:1995